

12/11/1999

Nik Aziz dakwa pasang jerat

KOTA BHARU, Khamis - Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang baru-baru ini menyatakan bahawa Pas sedia menerima pemimpin bukan Islam sebagai Perdana Menteri, hari ini menjelaskan bahawa kenyataan itu hanya bertujuan 'menjerat' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mursyidul Am Pas itu berkata, apa yang dinyatakan beliau itu adalah kenyataan politik yang mengambil kira pelbagai perkara sebagai strategi parti untuk jangka panjang.

Katanya, kenyataan itu hanya untuk memerangkap Umno, khasnya Perdana Menteri sehingga mengisytiharkan pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

Sehubungan itu, beliau tetap mempertahankan bahawa kenyataan yang dilaporkan dalam akhbar itu adalah benar.

"Hak surat khabar sebut (Pas terima bukan Islam jadi Perdana Menteri) itu betul," katanya.

"Keduanya dia (DAP) bertanding 30 kerusi (Parlimen) kita (Pas) 58 kerusi, dan Keadilan 44 kerusi," katanya ketika berucap pada majlis penerangan mengenai Manifesto Bersama Barisan Alternatif di Dewan Majlis Daerah Kota Bharu, Ketereh, dekat sini hari ini.

Nik Aziz berkata, mengikut perjanjian bersama barisan alternatif, jawatan Perdana Menteri akan diberikan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim jika gabungan parti pembangkang itu memenangi pilihan raya akan datang.

"Macam mana sekali pun (jawatan Perdana Menteri) tak boleh kepada DAP, pertamanya kerana kita sudah tetapkan bahawa Anwar Ibrahim jadi PM," katanya.

Nik Aziz berkata, kenyataan beliau mendapat sokongan daripada Pengerusi DAP sendiri, Dr Chan Man Hin, bahawa DAP tidak boleh menerima jawatan Perdana Menteri kerana keadaan tidak membenarkan.

(END)